



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

GOLONGAN MUDA TERUS DIPERKASA RANCAKKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA

PUTRAJAYA, 19 OGOS 2021 – Sejumlah RM131.8 juta peruntukan telah memberi manfaat kepada 7,406 usahawan Agropreneur Muda sejak ianya dilancarkan pada 2016.

Menyedari tentang betapa pentingnya sektor pertanian terutamanya ketika negara dan dunia berhadapan penularan pandemik COVID-19, Geran Agropreneur Muda menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak-anak muda memulakan projek pertanian. Pada tahun ini, sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan dengan sasaran 750 orang agropreneur muda untuk mendapat bantuan.

Kementerian menjangkakan kesan penggandaan bernilai RM89.4 juta melalui bantuan geran yang diberikan pada hari ini, diserahkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid menerusi *webinar* Program *Empowerment @ Agropreneur Muda 2021*.

Pada tahun lalu, Kementerian telah berjaya meningkatkan penglibatan golongan muda apabila seramai 1,149 orang menerima bantuan geran bernilai RM21.7 juta berbanding 750 orang pada tahun 2019 dan 785 orang pada tahun 2018.

Data terkini menunjukkan bahawa daripada 14.6 juta belia di Malaysia, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian. Tambahan pula, kajian menunjukkan hanya 4 peratus pelajar di universiti yang akan mempertimbangkan kerjaya dalam bidang pertanian.

Kesemua data ini menunjukkan bahawa persepsi para belia kepada sektor pertanian perlu diperbaiki lagi. Berdasarkan faktor tersebut Kementerian ini perlu mengambil langkah sewajarnya bagi meremajakan sektor pertanian.

Bagi merealisasikan perkara ini, Kementerian akan melancarkan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dalam masa terdekat. Dasar ini merupakan dasar jangka masa panjang bagi tempoh 2021 hingga 2030, akan menjadi panduan kepada rangka kerja di Kementerian dan pelaksanaan di peringkat Jabatan dan Agensi.

Sejak dilancarkan pada tahun 2016 sehingga kini, Kementerian telah membantu seramai 7,406 orang usahawan agropreneur muda yang terlibat dengan sektor pertanian, penternakan, perikanan dan agromakanan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM131.8 juta melalui pelbagai bantuan geran.

Sehingga Julai 2021, seramai 498 orang telah diluluskan permohonannya oleh pihak Kementerian dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9.9 juta. Daripada jumlah tersebut, ianya dijangka dapat menyumbang RM29.8 juta kepada negara melalui *economic spin-off*. Jangkaan ini berdasarkan sasaran Kementerian untuk melahirkan agropreneur muda berpendapatan sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan selepas menerima bantuan geran ini. Dalam masa yang sama, Kementerian menjangkakan agropreneur muda ini dapat membantu ekonomi setempat melalui konsep *community-driven economy*.

Kementerian juga mendapat banyak permintaan daripada anak-anak muda yang ingin menceburi bidang pertanian dan agromakanan. Justeru bagi meneruskan usaha dan merencanakan lagi penglibatan golongan muda menyertai bidang pertanian dan agromakanan, Permohonan Geran Agropreneur Muda akan dibuka kepada mereka yang baru menceburi atau belum pernah menjalankan sebarang projek pertanian. Permohonan baru ini tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dikemukakan antaranya keperluan untuk menghadiri kursus-kursus teknikal yang ditetapkan dan sebagainya.

Kementerian menerusi Jabatan dan Agensi akan terus menggerakkan sektor pertanian dan agromakanan negara dengan meneruskan kesemua inisiatif dan insentif yang telah dirancang untuk membantu rakyat terutamanya dikala negara masih berhadapan dengan penularan pandemik COVID-19, serta bertekad dalam menyumbang kepada pelbagai keberhasilan yang disasarkan kerajaan dalam usaha memperkukuh sekuriti makanan negara.